

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang

Sidang Akademik 1999/2000

April 2000

HIU 225 – PENDIDIKAN NILAI-NILAI MURNI DALAM ISLAM

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **DUA** [2] soalan daripada Bahagian A dan **DUA** [2] soalan daripada Bahagian B

BAHAGIAN A:

1. Konsep kerohanian Islam tidak menggalakkan umatnya memisahkan diri daripada masyarakat, sebaliknya menganjurkan suatu bentuk amalan kerohanian sosial secara positif dan konstruktif. Huraikan.
2. Malaysia kini sedang mengorak langkah dengan pesatnya menuju ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Bincangkan 5 nilai utama yang diperlukan bagi menjamin kejayaan pembangunan dalam ertikata dapat memberi kesejahteraan hidup kepada seluruh warganegara.
3. Islam menganjurkan mujahadah untuk mendidik serta mengawal nafsu yang sering mendorong seseorang kepada melakukan perkara-perkara yang merosakkan individu dan masyarakat. Sebutkan rukun-rukun mujahadah dan bincangkan setiap satunya.

BAHAGIAN B:

4. Kebaikan dan kejahanman manusia adalah mencerminkan kebaikan dan kejahanman hati; kerana hati merupakan pusat kesedaran manusia dalam membentuk peribadi mulia. Justeru itu kebersihan hati menjadi asas kepada pembinaan peribadi insan. Berdasarkan pernyataan ini bincangkan dua daripada perkara berikut:

- [a] Proses pembersihan jiwa menurut al-Qur'an.
 - [b] Sifat-sifat murni yang terpenting dalam konteks pendidikan rohaniah.
 - [c] Beberapa sifat terpuji yang menjadi teras kepada pembinaan syakhsiah.
5. Akhlak adalah salah satu cabang syari'ah. Tanpa akhlak *mahmudah* (terpuji) akan menyebabkan segala amalan kebaikan tertolak atau binasa. Bincangkan.
6. Akhlak Rasul Allah s.a.w. merupakan akhlak yang tertinggi dan termulia. Bincangkan beberapa ciri utama yang menyebabkan Rasul Allah s.a.w. berjaya membentuk peribadi umatnya di awal kebangkitan baginda sebagai Rasul Allah.

--oo000oo--